

Amaran PM kepada
partia di Sabah

Jangan guna isu anti ^(P) Kerajaan Pusat

11 JUN 1990

KUALA LUMPUR 10 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran kepada parti-parti di Sabah jangan menggunakan isu anti Kerajaan Persekutuan dalam kempen pilihanrayanya kerana ia membawa padah yang amat buruk.

Katanya, tindakan tidak sihat itu akan menimbulkan perasaan buruk sangka antara rakyat Sabah dan Semenanjung sehingga boleh menyebabkan perpecahan kaum.

"Ini tidak baik untuk perpaduan kita," katanya kepada para pemberita selepas mengadakan perbincangan selama sejam dengan ahli-ahli Parlimen menjelang persidangan Dewan Rakyat mulai esok.

Diminta mengulas dakwaan pihak-pihak tertentu kononnya Kerajaan Persekutuan tidak memberikan pembangunan secukupnya untuk negeri itu, Perdana Menteri berkata:

"Kena pergi tengoklah. Kena tengok pembangunan mana yang lebih jika dibandingkan dengan Kelantan, Kedah ataupun Perlis."

Ditanya mengenai dua pilihanraya kecil di Kuala Linggi di Melaka dan Kijal di Terengganu, Perdana Menteri berkata Barisan Nasional yakin akan memenangnya.

Katanya, persiapan telah diatur seperti biasa dan "kita (BN) masih ada banyak masa."

Katanya, calon-calon yang bertanding akan diumumkan tidak lama lagi.

Menjawab pertanyaan lain, Dato' Sri Dr. Mahathir yang ju-



DATO' SRI DR. MAHATHIR

ga Pengerusi BN memberitahu bahawa pilihanraya-pilihanraya kecil perlu diadakan walaupun ada pihak mengatakan berlaku banyak pembaziran di saat-saat pilihanraya umum akan diadakan.

"Sudah menjadi kehendak undang-undang kita, bila perlu adakan pilihanraya, kita kena adakan," tegasnya.

Beliau juga menegaskan kerajaan tidak boleh mengadakan pilihanraya umum hanya semata-mata untuk menjimatkan perbelanjaan di kedua-dua pilihanraya kecil itu.

Perdana Menteri juga memberitahu bahawa beliau sendiri akan mencadangkan kepada sidang Dewan Rakyat esok mengenai perlantikan ahli Parlimen Ampang Jaya, Encik Ong Tee Kiat sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan dan ia akan disokong oleh Presiden MIC, Dato' Sri Samy Vellu.

Perlantikan Encik Ong adalah untuk mengisi kekosongan selepas Encik D. P. Vijandran meletakkan jawatan itu ekoran isu video lucah yang hangat dipertuturkan sepanjang tahun lalu.